

Tahun 1. Bilangan 10

1 July, 1956

	Muka
DYMM SULTAN KEMBALI KA BRUNEI DARI MALAYA	1
PESUROH JAYA TINGGI MELAWAT BRUNEI	1
BRITISH RESIDENT YANG BAHARU TIBA DI BRUNEI	2
CHIEF JUSTICE YANG BAHARU BAGI BRUNEI	2
BRITISH RESIDENT MELAWAT SEKOLAH2	2
PELAJARAN PERCHOMA COLOMBO PLAN	2
KURSUS LATEHAN MASHARAKAT BAGI KETUA2 KAMPONG DAN KAUM DARI KUALA BELAIT	3
WAKIL BRITISH COUNCIL YANG BAHARU BAGI SARAWAK	4
PENUNTUT2 YANG BAHARU BAGI SEKOLAH PERTUKANGAN B.M.P. SERIA	4
78 ORANG PENUNTUT2 MENANG HADIAH2 B.M.P.	5
MURID SEKOLAH DIJUMPUI MATI DALAM SUNGEI	5
PERKEMBANGAN PERIKANAN DI BRUNEI	6
RANCHANGAN PELABOAHAN MUARA	7
KERAJAAN BRUNEI MENGALAMI KEKURANGAN BATU	7
BANGUNAN YANG BAHARU BAGI TUKANG2 PERAK DI BRUNEI	7
HARGA2 BUAH KAWANG DAN LADA	8
KAPAL KERAJAAN BRUNEI YANG BAHARU "M/L BOLKIAH"	8
KAPAL PERANG H.M.S. DAMPIER TIBA DI BRUNEI	9
KAPAL PERANG PERANCHIS TIBA DI BRUNEI	9
UNDANG2 BAHARU MAJLIS UGAMA DAN 'ADAT ISTIADAT BRUNEI	10
PERTUNJOKAN WAYANG GAMBAR PEJABAT PENERANGAN BRUNEI	12
PERKHIDMATAN BUS KERAJAAN BRUNEI DIMULAI	12

PELITA BRUNEI



Tahun 1. No. 10

DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN
DUА KERAJAAN BRUNEI
KALI SABULAN

1 JULY, 1956.

DYMM SULTAN KEMBALI KA BRUNEI DARI MALAYA

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin akan kembali ka Brunei dari Singapura pada hari Thalatha 3 July, 1956 satelah menjalankan lawatan tidak rasmi di Singapura dan di Persekutuan Tanah Melayu.

Duli Yang Maha Mulia Sultan telah berangkat dari Brunei pada 11 June yang lalu bersama Putera Baginda yang sulong, Pengiran Muda Hassanal Bolkiah dan Puteri Baginda yang sulong, Pengiran Anak Puteri Masnah, serta diiringi oleh Wazir Yang Pertama Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara dan Setia Usaha Sulit Baginda, Pehin Dato' Haji Ibrahim bin Jahfar.

Baginda telah belayar dari Singapura ka Labuan dengan kapal "Darvel" pada 29 June dan akan belayar dari Labuan ka Brunei dengan kapal "Bolkiah" pada 3 July. Terlebih dahulu Juru Iring kepada Baginda, Pengiran Anak Omarali bin Pengiran Bendahara Anak Abdul Rahman telah berangkat ka Labuan untuk menemui Baginda disana.

Persediaan telah dijalankan untuk mengadakan satu Barisan Kehormatan kerana memberi hormat kapada Baginda pada masa Baginda tiba dengan kapal "Bolkiah" di Tambatan Bandar Brunei pada hari yang tersebut, dalam mana Yang Berhormat British Resident Brunei; Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri dan Ketua2 Pejabat2 Kerajaan akan hadir bersama.

PESUROH JAYA TINGGI MELAWAT BRUNEI

Tuan Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi Negeri Brunei dan juga Pegawai Yang Mentadbirkan Kerajaan Sarawak Yang Berhormat Mr. J.H. Ellis, C.M.G., telah tiba di Brunei dari Kuching, Sarawak pada 30 June, 1956 dengan kapal Kerajaan Sarawak "Zahora" dalam satu lawatan yang rasmi.

Tuan Yang Terutama itu akan kembali ka Sarawak pada hari Khamis 5 July, 1956 dan pada masa berada di Brunei, beliau akan tinggal di Muara Lodge, Muara.

BRITISH RESIDENT YANG BAHARU TIBA DI BRUNEI

Mr. D.C. White O.B.E., British Resident Brunei yang baharu, telah tiba di Brunei dari Sibu, Sarawak pada petang hari Thalatha 19 June, 1956 dengan kapal Kerajaan Brunei, " Sultan ".

Mr. White sekarang memangku jawatan British Resident Brunei pada masa Mr. J.O. Gilbert berchuti panjang. Sabelum memangku jawatannya yang baharu itu, Mr. White telah menjadi Resident Sibu, Sarawak.

CHIEF JUSTICE YANG BAHARU BAGI BRUNEI

Tuan Yang Terutama Pegawai Yang Mentadbirkan Kerajaan Sarawak yang juga menjadi Pesuroh Jaya Tinggi Negeri Brunei; dan Governor Borneo Utara telah dengan sukachitanya, dengan menggunakan kuat kuasa yang diberi kapada mereka, melantek Yang Berhormat Mr. Justice L.B. Smith memangku jawatan Chief Justice (Hakim Besar) bagi Negeri Sarawak, Borneo Utara dan Brunei, mulai dari 1 haribulan June, 1956 pada masa Yang Berhormat Chief Justice ketiga negeri ini berchuti.

BRITISH RESIDENT MELAWAT SEKOLAH2

Mr. D.C. White, British Resident Brunei, telah melawat Sultan Omar Ali Saifuddin College, Brunei; Sekolah Melayu Sultan Mohamad Jamalul Alam, Brunei dan Rumah Tumpangan Penuntut2 Perempuan di Bandar Brunei pada hari Thalatha 26 June, 1956.

Beliau telah diiringi dalam lawatan2 tersebut oleh Pegawai Pelajaran Negeri, Mr. H.J. Padmore dan lain2 Pegawai2 Pelajaran.

PELAJARAN PERCHUMA COLOMBO PLAN

Inche' Mohamed Ali bin Awang Besar, Timbalan Penolong Pemungut Hasil2 Tanah Negeri Brunei, telah diberi hadiah Pelajaran Perchuma Colombo Plan oleh Kerajaan Australia untuk mempelajari Kursus Nilaian Tanah diantara 6 dan 9 bulan di Australia.

Beliau telah berangkat ka Kuching pada 23 haribulan June yang lalu dan akan tinggal disana selama dua minggu kerana membiasakan dirinya mengenai hal ehwal nilaian tanah di Pejabat Tanah Kerajaan Sarawak.

Salepas itu, beliau akan kembali ka Brunei dan berangkat ka Australia dengan kapal terbang dalam bulan ini.

KURSUS LATEHAN MASHARAKAT BAGI KETUA2 KAMPONG
DAN KAUM DARI KUALA BELAIT

Seramai 21 orang Ketua2 Kampong dan Kaum dari Kuala Belait, mengandungi orang2 Melayu, China dan Iban telah mengambil bahagian dalam suatu Kursus Latehan Masharakat ("Civics Course") mulai dari hari Thalatha 26 June yang lalu.

Kursus tersebut yang dianjorkan oleh Kerajaan Brunei, akan diteruskan hingga ka hari Khamis 5 July, 1956 dalam mana "penuntut2" itu dibawa melawat ka Pejabat2 Kerajaan menyaksikan chara2 perjalanan pertadbiran Negeri ini, ka Sekolah2, Rumah Sakit, Padang Kapal Terbang, dan ka lain2 tempat yang mustahak dimana mereka diberi penerangan2 oleh pehak2 yang berkenaan.

Penuntut2 itu telah tiba di Bandar Brunei pada hari Ahad 1 July dan upachara pembukaan rasmi Kursus Latehan Masharakat itu bagi Daerah Brunei dijalankan oleh Yang Berhormat British Resident Brunei, Mr. D.C. White.

Dalam uchapananya itu, Mr. White telah menguchapkan selamat datang ka Brunei kapada kesemua penuntut2 tersebut dan begitu juga beliau telah menguchapkan terima kaseh kapada mereka yang telah datang menemui pegawai2 Kerajaan disini dan mendengarkan penerangan2 yang diberi oleh pehak2 yang berkenaan.

Selanjutnya beliau berkata, " Saya tahu tuan2 semuanya adalah orang yang banyak kerja dan lawatan tuan2 ini telah mengorbankan fa'edah tuan2 sendiri untuk fa'edah orang2 ramai yang tuan2 wakili itu.

" Saya sangat hargai lawatan2 tuan2 ini, terutama se kali ialah tuan2 boleh mempelajari serba sedikit dasar yang telah ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia untuk perkembangan dan memakmorkan ra'ayatnya. Tuan2 akan mendengar samasa tuan2 pergi mengelilingi berbagai2 Pejabat itu apa yang telah dibuat kerana menjalankan dasar ini dan apa yang diranchangkan hendak dibuat. Saya harap tuan2 akan bertanya apa yang tidak terang berkapada tuan2, kerana tuan2 boleh mengerti apa yang telah berlaku, dengan terangnya lagi tuan2 boleh menyatakan kapada anak buah tuan2.

" Keduanya tuan2 boleh melihat sendiri apa yang dibuat oleh berbagai2 Pejabat Kerajaan itu, dan pada masa2 yang akan datang tuan2 akan tahu dimana akan pergi kerana meminta nasehat dan pertolongan yang tuan2 dan anak buah tuan2 kahendakki, dan yang Kerajaan ini akan beri.

" Satu daripada perkembangan2 yang mustahak yang saya suka hendak berchakap sapatah dua ialah chadangan akan menuahkan Kerajaan Tempatan.

" Ini ialah satu langkah yang mustahak, dan yang mana saya perchaya akan disambut dengan gembira apa bila sahaja mananya yang penoh telah difahami, kerana Kerajaan Tempatan ini memberi kapada orang2 di Bandar dan di Kampong, melalui wakil2 mereka, kuasa mengurus sabahagian hal ehwal mereka.

" Maka dengan jalan itulah orang belajar memegahkan kebersihan dan kaindahan bandar2 dan kampong2 mereka serta meranchangkan kebaikan2, mereka akan belajar membinchangkan perkara2 dalam Majlis Mashuarat, ada dengan bahath membahath barangkali, tetapi menerima keputusan sabulat suara, mempelajari asas2 ka'wangan, menjaga kaki tangan serta menegohkan

iman, dan diantara ...

iman, dan diantara semua, mereka akan menerima latehan dalam hal ehwal orang ramai yang menjadikan mereka itu chalon yang layak bagi menjadi ahli Majlis Mashuarat yang lebeh tinggi pada masa yang akan datang.

" Tuan2 tentu hairan dari manakah akan datangnya wang untuk pembayar pekerjaan yang akan dibuat di Bandar tuan2 itu.

" Tuan2 tahu yang chukai2 adalah sekarang dibayar dengan hukuman Resident, dan lesen2 adalah dibayar untuk perkara2 seperti meja bola, kedai2 kopi dan lain2. Chukai2 ini telah ditetapkan oleh Fritish Resident, tetapi pada masa yang akan datang Majlis ini akan menetapkan chukai2 itu, serta membayar belanja pekerjaan2 seperti membersehkan jalan, tandas menggunakan kuasa ayer, dan lain2 perkara, serta menjaga pegawai2 yang menjalankan pekerjaan2 itu.

" Hasil2 Majlis2 itu akan didapati dari punch2 ini ditambah dengan pemberian daripada Kerajaan. Majlis itu tidak boleh menchari wang selain daripada dengan jalan yang ditetapkan dalam Undang2 itu.

" Saya harap tuan2 akan mendapat kesuka'an dari lawatan2 tuan2 ini serta beroleh fa'edah dari apa yang tuan2 dengar dan lihat. Sakali lagi saya uchapkan terima kaseh kerana kedatangan tuan2 itu ".

WAKIL BRITISH COUNCIL YANG BAHARU BAGI SARAWAK

British Council mema'lumkan bahawa Mr. John Goatly, saorang Wakil British Council bagi Negeri Sarawak semenjak tahun 1950, telah dilantek menjadi Wakil Daerah British Council di Bombay, India.

Mr. Goatly dan Mem Goatly serta anak2 mereka, adalah dijangka akan bertolak dari Kuching pada bulan October akan datang. Mr. R.I.H. Davies dari British Council, yang akan menggantikan tempat Mr. John Goatly akan tiba di Kuching bersama Mem Davies pada bulan September hadapan.

Mr. Davies, berumur 36 tahun telah berkhidmat dengan Pejabat British Council di London, England selama dua tahun yang lalu. Beliau telah berkhidmat dengan British Council pada tahun 1949 dan telah berkhidmat di Hungary dan di Israel sebagai Penolong Wakil British Council dari tahun 1951 hingga tahun 1953.

Pada masa Perang Dunia Kedua, Mr. Davies telah menjadi saorang ahli Pasukan Tentera Diraja British, "The Royal Artillery", dalam mana beliau telah mengambil bahagian dalam Perang di Afrika Utara dan di Negeri Italy sebagai saorang Pegawai dan kemudian menjadi Air Observation Pilot di Holland dan Germany.

Mr. Davies telah menerima pelajaran di Bromsgrove School, Worcestershire, England dan telah mendapat kelulusan "Master of Arts" dari Oxford University.

PENUNTUT2 YANG BAHARU BAGI SEKOLAH PERTUKANGAN B.M.P. SERIA

Pejabat Pelajaran Negeri Brunei mema'lumkan bahawa 23

orang murid2 dari "

orang murid2 dari Sekolah2 Kerajaan akan belajar dengan per-chuma di Sekolah Pertukangan, British Malayan Petroleum Company Limited, Seria.

Sembilan orang murid2 yang telah masok pepereksaan untuk memilih bakal penuntut2 Sekolah Pertukangan dari Brunei telah berjaya dan 14 orang lagi telah masok pepereksaan itu dari Seria.

Murid2 dari Brunei itu ialah seperti berikut: Tengah bin Ibrahim; Md. Said bin Ismail, Awangku Ali bin Pengiran Kerma Inderam Abdul Hamid bin Bakar, Ahmad bin Yusof dan Abdul Hamid bin Hitam, sakeliannya dari Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam, Bandar Brunei; Md. Husain bin Muhammad, dari Sekolah Melayu Danau; Lideh bin Diman dari Sekolah Melayu Sungai Liang; dan Salim bin Marsal dari Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei.

Murid2 yang telah masok pepereksaan tersebut dari Seria dan telah berjaya dalam pepereksaan itu ialah: Masri bin Ja'-afar, Mahmud bin Dee, Md. Ali bin Md. Noor, Abu Bakar bin Ali, Md. Noor bin Taha, Awang Besar bin Muhammad, Abu Bakar bin Puteh, Julaini bin Pawai, Ahmad bin Damit, Awangku Damit bin Pengiran Wahab, Ibrahim bin Muhammad, Haris bin Bidin, Mohsin bin Md. Tahir dan Jamuddin bin Sa'ad.

Murid2 tersebut dijangka akan mulai belajar pada 2 July, 1956 dan terlebih dahulu mereka adalah dikahendakki diperiksa oleh doktor. Murid2 dari kawasan Brunei akan diperiksa oleh doktor di Rumah Sakit Kerajaan Bandar Brunei, menekala murid2 dari Kuala Belait dan Seria akan diperiksa di Rumah Sakit Kerajaan di Kuala Belait.

78 ORANG PENUNTUT2 MENANG HADIAH2 B.M.P.

Seramai 78 orang penuntut2 sekolah dari Sekolah2 Melayu dan Inggeris dalam Bandar Brunei, Bahagian Brunei, Bahagian Tutong, dan Bahagian Belait telah berjaya memenangi Hadiah2 Tahunan Sharikat Minyak, British Malayan Petroleum Company Limited, Seria yang diberi kepada murid2 yang terbaik sekali dari semua sekolah2 di seluroh Brunei.

Bilangan tersebut mengandungi seramai 32 orang penuntut2 dari Sekolah2 Bahagian Brunei; 20 orang dari Sekolah2 Bahagian Belait termasok Seria; 18 orang dari Bahagian Tutong dan 6 orang dari Sekolah2 Bandar Brunei.

Hadiah2 kapada penuntut2 di Bandar Brunei, Bahagian Brunei dan Bahagian Tutong akan disampaikan oleh saorang Wakil dari Sharikat Minyak tersebut, Inche' Abdul Samad bin Johari, menekala hadiah2 kapada penuntut2 dari Bahagian Belait akan diatorkan oleh pehak B.M.P., dan Pegawai Pelajaran Daerah disana.

MURID SEKOLAH DIJUMPAI MATI DALAM SUNGEI

Serudin bin Damit, saorang murid dari Sekolah Melayu Laila Menchanai, Bandar Brunei telah dijumpai mati dalam sebuah sungai yang penoh dengan lumpur berdekatan Kampong Tamoi, Bandar Brunei tidak berapa lama dahulu.

Kanak2 itu berumur 12 tahun, menekala ibu dan bapanya telah meninggal dunia. Ia tinggal bersama saudaranya di rumah Timbang bin Munap.

Saorang kanak2 dari Kampong tersebut yang mula melihat badan Serudin, mula2 menyangka bahawa Serudin sedang mandi. Tetapi, apa bila ia tidak bangun beberapa sa'at, maka kanak2 itu terus pergi katempat tersebut dan mendapati Serudin telah mati.

Berhubung dengan kematian tersebut, Pejabat 'Adat Isti-adat, Ugama dan Kebajikan Negeri telah mengeluarkan hadiah sebanyak \$ 50 dan wang itu telah diberikan kapada saudara kanak2 yang mati itu sebagai perbelanjaan menanam mayat.

PERKEMBANGAN PERIKANAN DI BRUNEI

Pesuroh Jaya Perkembangan Negeri Brunei, Mr. E.R. Bevington mema'lumkan bahawa dalam bulan August tahun 1955, Majlis Mashuarat Negeri Brunei telah bersetuju meluluskan sabuah rancangan yang dishorkan oleh Jawatan Kuasa Perkembangan, iaitu memberi pertolongan kapada penangkap2 ikan di Brunei.

Majlis itu juga telah bersetuju supaya Kerajaan menjemputkan saorang Pegawai Perikanan Melayu dari Malaya untuk berkhidmat di Brunei dan menunjukkan kapada penangkap2 ikan di Brunei mengenai chara2 menangkap ikan yang digunakan oleh penangkap2 ikan di Malaya, terutama sekali di Kuala Trengganu dimana penangkap2 ikan ditempat itu telah dapat menambahkan mata pencharian mereka dengan sechara menangkap ikan.

Kerajaan juga telah menguntokkan perbelanjaan bagi membeli kapal menangkap ikan yang dapat digunakan dilaut sebagai mana yang digunakan di Malaya supaya Pegawai Perikanan itu dapat menunjukkan kegunaan kapal2 penangkap ikan itu.

Meskipun usaha telah dijalankan oleh Kerajaan hendak memperolehi saorang Pegawai Perikanan dari Malaya, tetapi sangatlah payah hendak mendapat Pegawai itu untuk datang ka Brunei. Jawatan Kuasa Perkembangan telah pun diberi tahu mengenai perkara ini dan mereka telah membuat chadangan bahawa eloklah pehak Kerajaan Brunei menghantarkan penangkap2 ikan dari Brunei ka Malaya untuk mempelajari sendiri hal ehwal menangkap ikan disana.

Perjanjian telah dibuat diantara Kerajaan2 Brunei dan Malaya pada 23 June, dalam mana Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah meminta Kerajaan Brunei menghantarkan rombongan yang pertama penangkap2 ikan ka Penang untuk mempelajari kursus menangkap ikan mulai dari 9 July, 1956.

Kursus itu akan mengambil masa 3 bulan dengan Pejabat Perikanan dimana penangkap2 ikan itu akan diajar chara2 menangkap ikan di Malaya, chara2 menggunakan dan memperbaikki kapal2 menangkap ikan dan jentera2nya serta lain2 perkara mengenai hal ehwal menangkap ikan.

Kemudian rombongan penangkap2 ikan dari Brunei itu akan berangkat ka Kuala Trengganu dimana mereka akan tinggal selama 6 minggu untuk menyaksikan chara2 yang digunakan bagi menangkap ikan disana.

Kerajaan Brunei berharap hendak membeli kapal2 yang baru untuk kegunaan penangkap2 ikan dari Negeri ini satelah mereka balek dari Malaya ka Brunei.

RANCHANGAN PELABOHAN MUARA

Dua orang Juru2-tera dari sharikat Coode and Partners, iaitu Mr. C.P.B. Redlich dan Mr. Elliot telah tiba di Brunei baharu2 ini untuk menjalankan pekerjaan berhubung dengan Ranchangan Pelabuhan Muara. Mr. Elliot, saorang dari Juru2-tera yang kanan dari sharikat itu telah menghadziri upacara pembukaan rasmi bendungan ayer yang amat besar di Iraq oleh Raja Negeri Iraq baharu2 ini.

Perlu disebutkan disini bahawa sharikat Juru2-tera tersebut telah bertanggong jawab bagi membina bendungan ayer di Iraq itu, lengkap dengan terusan ayernya dan dapatlah memberi pertolongan yang besar kepada negeri itu yang telah mengalami bencana ayer bah yang sangat merosakkan daripada Sungai Tigris.

Dua buah rumah2 kajang telah dibina di Muara untuk Juru2-tera itu, kerana mereka akan berada disini selama beberapa bulan bagi menjalankan penyiasatan2 berhubung dengan Pelabuhan Muara.

X KERAJAAN BRUNEI MENGALAMI KEKURANGAN BATU

Kerajaan Brunei pada masa ini sedang mengalami kekurangan batu dalam Negeri ini dan tidaklah dapat meneruskan pekerjaan berhubung dengan Ranchangan Perkembangan bagi membina jalan2 raya dan bangunan2, dan Kerajaan sedang berusaha dengan sabar segera bagi memperolehi batu2 itu.

Oleh kerana kekurangan batu2 itu, pekerjaan2 bagi membina jalan2 raya dan bangunan2 tidaklah dapat diteruskan dan pihak Kerajaan pun terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang banyak serta mengendalakan pekerjaan.

Juru2-tera Negeri ini telah memereksa kawasan2 bagi memperolehi batu2 di Batu Gading, di Sungai Baram dan di Sipitang, Borneo Utara, tetapi tidaklah ada sasabuah sharikat contractor pun yang telah membuat permintaan kapada Kerajaan menaksirkan perbelanjaan bagi membawa batu2 itu ka Negeri ini.

Pekerjaan bagi membina jalan2 raya sahaja berkahendakkan sebanyak 1,600 persegi elai batu2 pada sabtu dan Kerajaan berkahendakkan dengan sabar segera sekurang2 1,000 persegi elai batu2 pada tiap2 bulan dan lebih banyak lagi daripada batu2 yang dibeli pada masa sekarang.

BANGUNAN YANG BAHARU BAGI TUKANG2 PERAK DI BRUNEI

Sabuah bangunan tiga tingkat bagi tukang2 perak di Negeri ini akan dibina oleh sharikat Sino-Malayan Engineers (Borneo) Limited, di Jalan Roberts, Bandar Brunei dan pekerjaan menanam tiang asas bangunan itu sedang dijalankan pada masa ini.

Tukang2 perak di Negeri ini akan menuahkan sabuah perkumpulan yang akan didaftarkan sebagai sabuah pertubuhan dibawah Undang2 Pertubuhan Negeri Brunei. Satelah perkumpulan

itu ditubuhkan, Kerajaan ...

itu ditubohkan, Kerajaan akan memberi pinjaman wang sebanyak \$ 133.000 kapada perkumpulan tukang2 perak itu, iaitu perbelanjaan yang akan digunakan bagi membina bangunan itu.

HARGA2 BUAH KAWANG DAN LADA

Controller of Customs, Brunei telah menetapkan harga2 buah2 kawang dan lada untuk kegunaan mengutip chukai mulai dari 2 July, 1956 adalah saperti berikut:

Buah2 kawang \$ 30.75 sapikul; Lada puteh \$ 88.39 sapikul dan Lada hitam \$ 69.27 sapikul.

X KAPAL KERAJAAN BRUNEI YANG BAHARU "M/L BOLKIAH"

Suatu isti'adat menamakan Kapal Kerajaan Brunei yang baharu, "M/L Bolkiah" telah dilangsangkan oleh salah saorang dari dua orang Pemangku2 Raja Negeri Brunei, Duli Pengiran Pemancha di Tambatan Bandar Brunei pada pukol 5 petang hari Ithnin 18 June, 1956 dalam mana Yang Maha Mulia telah me-mechahkan sabuah botol yang berisi dengan ayer limau kaatas haluan kapal itu.

Diantara ramai orang yang menyaksikan isti'adat tersebut ialah saorang lagi Pemangku Raja, Pengiran Maharaja Laila; Pemangku British Resident Brunei, Mr. E.R. Bevington dan Mem Bevington; Pemangku Penyimpan Wang Negeri Brunei, Mr. R.H. Morris dan Mem Morris; Pemangku Penolong Resident Brunei, Mr. G. Lloyd-Thomas dan Mem Thomas; Setia Usaha Sulit kapada British Resident Brunei, Inche' Mohamed Taib bin Awang Besar; Pegawai Daerah Brunei, Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad bin Daud; Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei dan Ketua2 Pejabat2 Kerajaan.

Salepas dilangsangkan isti'adat tersebut, Yang Maha Mulia Pemangku2 Raja Brunei telah menaikki kapal Bolkiah itu, diturut oleh kesemua ahli2 jemputan dengan didahului oleh Pegawai Marine Negeri Brunei, Captain J.K. Corrigan. Mereka telah dijamu dengan minuman teh dan kueh diatas kapal itu sebagai mera'ikan isti'adat yang telah dilangsangkan itu dan kemudian mereka dibawa belayar ka keliling Pulau Sibongor di Sungai Brunei.

Kapal Bolkiah itu, panjangnya 110 kaki, adalah mengan-dongi 5 buah bilek2 klas pertama dan 80 tempat2 dudok klas dua. Ia dapat belayar salaju 12 knot pada sajam dan belayar biasa 10.5 knot pada sajam. Kapal itu akan digunakan untuk membawa penumpang2 dan surat2 yang dihantar menerusi Pejabat Post di-antara Brunei dan Labuan, serta juga akan digunakan untuk mereksa rumah2 api dan pelampong2 dan menggantikan M/V Sultan bilamasa perlu.

Kapal tersebut telah dibawa ka Brunei dari Hongkong oleh Pegawai Marine Negeri, Captain J.K. Corrigan dan 15 orang ahli2 dari Pejabat Marine Brunei. Mereka telah berlepas dari Brunei ka Hongkong dengan kapal terbang pada 24 May yang lalu dan tiba disana pada petang hari itu juga. Kapal itu telah mula belayar keliling Pulau Hongkong pada 28 May, dalam perchobaannya kali yang pertama dan telah belayar ka Brunei pada 1 haribulan June.

48 jam kemudian ia telah tiba di Manila, Filipina. Oleh kerana angin tersangat konchang pada masa itu, ia tidaklah dapat hendak meneruskan pelayarannya dan telah berlabuh di Telok Manila pada pukol 6 petang hari itu.

Meskipun kapal Bolkiah itu telah menchoba hendak belayar ka Brunei pada kaesokan harinya, tetapi oleh sebab chuacha tersangat burok, maka kapal itu tidaklah dapat hendak belayar lagi dan terpaksalah berlabuh sahari lagi di Telok Manila.

Akhirnya pada pukol 5 pagi hari kedua ia berada di Manila, ia dapatlah belayar ka Brunei setelah mengisi minyak dan sebagainya di Telok Manila dan telah tiba di Brunei pada pukol 5 pagi hari Ithnin 11 June, dalam mana ia telah belayar 10 knot pada sajam.

KAPAL PERANG H. M. S. DAMPIER TIBA DI BRUNEI

H. M. S. Dampier, iaitu sabuah Kapal Perang Tentera Laut Diraja British yang telah menjalankan pekerjaan mengukor datamnya perayaran2 di pelabuhan2 dan dikawasan2 pantai Brunei semenjak bulan April yang lalu, telah tiba di Sapo Point, Brunei pada pagi hari Ithnin 18 June yang lalu.

Sabuah pasukan mengandongi saorang Pegawai dan delapan orang ahli2 Tentera Laut Diraja British dari Kapal Perang itu telah mendarat di Muara pada pagi hari tersebut dan telah menjalankan pekerjaan menyukat dalamnya Simpson Channel berhadapan Pulau Chermin.

Kapal Perang itu telah belayar ka Miri pada 19 June untuk mengambil minyak bagi kegunaannya dan telah kembali semula ka Brunei pada 22 June. Sabuah pasukan yang baharu pula telah mendarat di Muara pada hari itu untuk menyelesaikan pekerjaan mereka yang dijalankan oleh pasukan yang akan digantinya.

Selat yang baharu dijumpa

Sementara itu kita mendapat faham bahawa Pasukan Penyukat dari Kapal Perang H. M. S. Dampier tersebut telah berjumpa sabuah Selat yang baharu diantara Pulau Chermin dan Pulau Kiangaran yang dapat dilalui oleh kapal2 dengan tidak payah melalui keliling lanterea2 laut ("beacons") di Pulau Chermin.

Pasukan tersebut juga telah mengakui benar ketakutan iaitu Selat Simpson itu sedang terkambus.

Selat yang baharu dijumpa itu akan ditanda dengan lanternae2 laut dan juga akan ditanda di peta untuk kemudahan kapal2. Adalah difahamkan bahawa dengan melalui selat yang baharu itu, kapal2 dapatlah datang ka Brunei terus diantara kedua pulau2 tersebut.

Hal tersebut adalah dianggap memberi sangat keuntongan kepada Negeri ini dan adalah diharap bahawa sabelum ahli2 Tentera Laut Diraja tersebut menyelesaikan pekerjaan menyukat perayaran2 yang ditugaskan kepada mereka, beberapa banyak lagi kenyataan2 dapatlah diperolehi.

KAPAL PERANG PERANCHIS TIBA DI BRUNEI

Sabuah Kapal Perang Peranchis, "Commandant Duboc", mengandongi 6 orang ...

mengandungi 6 orang Pegawai2 dan 82 orang kelas12, dengan diketuai oleh Captain Doppler, telah tiba di Brunei dari Saigon, French Indo China, melalui Labuan sedikit hari dahulu dan telah belayar ke Madagascar, melalui Borneo Utara satelah berada disini selama sahari.

Kapal Perang itu telah dibawa rapat di Tambatan Bandar Brunei oleh Pengiran Sabtu bin Pengiran Osman dari Pejabat Marine, Brunei.

UNDANG2 BAHRU MAJLIS UGAMA DAN 'ADAT ISTIADAT BRUNEI

(Sambongan dari PELITA BRUNEI No.9)

Undang2 baharu Majlis Ugama dan 'Adat Isti'adat Negeri Brunei telah berjalan kuat kuasanya mulai dari 1 haribulan February tahun ini dan Undang2 ini telah kita siarkan dalam beberapa keluaran PELITA BRUNEI yang lalu.

Undang2 yang baharu ini adalah didasarkan kapada sebuah Undang2 Ugama yang sedang berjalan kuat kuasanya di Negeri Kelantan, Persekutuan Tanah Melayu, dan telah diper-setujukan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin dalam Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei. Berbagai2 perkara telah diubahkan dari Undang2 yang asal itu oleh pehak yang berkuasa Negeri ini supaya Undang2 itu bersesuaian dengan keadaan dalam Negeri Brunei.

Pada keluaran bilangan2 yang lalu, kita telah menyiar-kan perkara2 berhubung dengan Sembahyang Juma'at; Minum minuman yang memabokan; Makan, minum dan sebagainya dalam bulan Puasa pada siang hari; Zakat dan Fitrah; Ajaran Ugama; Perkara mengenai membangun Masjid; Kegunaan ayat2 Koran di Sandiwara; Mengeji Penguasa2 Ugama; Lantekan Mufti; Fetua2; Jawatan Kuasa Kehakiman; Jawatan Kathi Besar bagi Negeri Brunei; Mahkamah Kathi Besar; Permohonan mengulang bichara; Pengesah Wasiat; Bahasa yang digunakan didalam Mahkamah2 Kathi; Perlantekan Pegawai2 Masjid dan lainnya.

Dibawah ini kita siarkan lagi sambongan Undang2 Ugama tersebut :

Maka hendaklah menjadi kewajipan Majlis Ugama menyembah-kan kapengetahuan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei mengenai apa2 kelakuan yang keji yang dilakukan oleh mana2 Pegawai Masjid, sama ada berthabit dengan jawatannya atau lain2 perkara dan membuat shor2.

Hendaklah Pegawai Masjid bagi mana2 Masjid mempunyai kuasa2 dan kewajipan2 yang akan ditetapkan didalam Tauliah masing2 dan selanjutnya :

Pegawai Masjid hendaklah bertanggong jawab kerana menjaga perjalanan dan atoran yang baik bagi Masjid itu;

Pegawai itu hendaklah bertanggong jawab kerana menjaga kesopanan Anak Mukim Masjid itu dalam perkara2 berthabit dengan Ugama Islam ;

Hendaklah Pegawai itu memberi tahu dengan segera kapada Majlis Ugama itu mengenai segala perkara yang berlaku didalam Mukim masing2 dan yang berkahendak pertolongan dari Majlis Ugama itu.

Kehadziran di Masjid

Anak Mukim bagi mana2 Mukim Masjid hendaklah lazimnya hadzir sembahyang di Masjid didalam Mukim itu, akan tetapi Imam bagi Masjid itu boleh memberi kebenaran diatas sebab2 yang menasabah kepada mana2 orang menghadziri sembahyang di Masjid yang lain dan jika Imam itu enggan memberi kebenaran yang demikian itu, maka bolehlah Jawatan Kuasa Pengadilan memberi kebenaran atas nama dan bagi pehak Majlis Ugama itu.

Perkahwinan dan Percheraian

Sharat bahagian ini hendaklah terpakai hanya kepada perkahwinan2 yang kedua2 pehak itu berugama Islam, dan yang dijalankannya mengikut Hukum Shara'.

Bolehlah Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, dengan kenyataan didalam Warta Kerajaan melantek mana2 orang yang layak dan menasabah menjadi Pendaftar2 Nikah Cherai Orang2 Islam bagi mana2 tempat.

Kathi Besar dan tiap2 Kathi akan menjadi Pendaftar2 Nikah Cherai Orang2 Islam yang berjawatan bagi kesemua kawasan dalam mana mereka mempunyai kuasa2 jenayah dan awam.

Imam bagi tiap2 Masjid hendaklah menjadi Pendaftar Nikah Cherai Orang2 Islam yang berjawatan bagi Mukim Masjidnya.

Pendaftar2 Nikah Cherai Orang2 Islam hendaklah berkuasa dan mempunyai hak2 padanya dan menjalankan kewajipan2 yang boleh diberi atau diletakan kaatasnya oleh Undang2 ini atau mana2 peratoran yang diperbuat dibawahnya.

Pendaftar2 Nikah Cherai Orang2 Islam hendaklah disifatkan menjadi pekerja1 awam dengan mengikut sebagaimana yang terkandong didalam Undang2 Jenayah.

Jikalau mana2 orang, sama ada dengan perchakapan atau tulisan, dan sama ada dengan sendirinya atau menerusi saorang tengah, telah membuat perjanjian pertunangan mengikut Hukum Shara', dan kemudian enggan hendak berkahwin dengan tidak mempunyai sebab2 yang sah dan pehak yang satu lagi bersedia berkahwin dengannya, maka orang yang enggan berkahwin itu, jika lelaki, akan membayar kerugian jumlah Maskahwin yang patut dibayar serta juga lain2 perbelanjaan yang patut dibayar bagi persediaan perkahwinan, atau, jika perempuan, maka hendaklah dipulangkan balek pemberian2 pertunangan jika diterima, atau pun harga barang2 mengenainya dan membayar sebagai kerugian jumlah lain2 wang sebagaimana yang telah diterangkan, dan tunutan wang itu bolehlah diperbuat didalam Mahkamah.

Kuasa Mengakadkan Nikah

Sebarang nikah bolehlah diakadkan oleh mana2 orang yang diberi Tauliah oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei dan diberi kuasa kapadanya bagi mengakadkan nikah, dan sebarang nikah itu bolehlah diakadkan oleh mana2 orang yang diberi kebenaran dibawah Hukum Shara' bagi menjalankan nikah itu diperbutat dihadapan Pendaftar itu dan dengan kebenarannya.

Sebarang orang tidaklah boleh mengakadkan nikah, kechuali mengikut sharat2 tersebut.

Dengan sharat jika mana2 nikah yang diakadkan itu tidak mengikut sharat2 ini, tetapi mengikut sharat2 Hukum Shara', pernikahan itu akan didaftarkan dibawah sharat2 Undang2 ini.

PERTUNJOKAN WAYANG GAMBAR PEJABAT PENERANGAN BRUNEI

Dibawah ini kita siarkan tarikh pertunjukan Wayang Gambar Pejabat Penerangan Kerajaan Brunei bagi bulan July, 1956:

Daerah Brunei: 7 July, Dewan Pejabat Penerangan Kerajaan, Bandar Brunei; 9 July, dibelakang Pejabat2 Kerajaan, Bandar Brunei; 10 July, Kampong Pengiran Pemancha Lama, Brunei; 11 July, Sekolah Melayu Masin, Brunei; 14 July, dikawasan Rumah Sakit Kerajaan, Bandar Brunei; 21 July, Dewan Pejabat Penerangan Kerajaan, Bandar Brunei; 23 July, Sekolah Melayu Sungei Hanching, Brunei; 24 July, Sekolah Melayu Batu Marang, Brunei; 26 July, dikawasan Penjara Jerudong, Brunei; 30 July, dibelakang Pejabat2 Kerajaan, Bandar Brunei; dan 31 July, Sekolah Melayu Kilanas, Brunei.

Daerah Tutong: 2 July, Sekolah Melayu Birau, Tutong; 3 July, Sekolah Melayu Kiudang, Tutong; 4 July, Sekolah Melayu Lamunin, Tutong; dan 28 July, Sekolah Melayu Sinaut, Tutong.

Daerah Temburong: 16 July, Bandar Bangar, Temburong; dan 17 July, Sekolah Melayu Puni, Temburong.

Daerah Kuala Belait: 3 July, Sekolah Melayu Tumpuan Telisai, Belait; 4 July, Sekolah Melayu Sungei Liang (Orang Kaya Rimba); 5 July, Sekolah Melayu Sungei Lumut, Belait (Ketua Anak Adom); 7 July, Padang Kechil Kuala Belait; 9 July, Sekolah Melayu Kuala Belai (Penghulu M. Noor); 10 July, dikawasan Resthouse, Labi (OKSD M. Daud); 11 July, Sekolah Melayu Labi (Che' Gu Bol Hassan); 12 July, Sekolah Melayu Rampayoh (Ketua Bawin); 13 July, Kampong Ratan, Labi (Penolong Penghulu Abang Razali); 14 July, Bukit Puan (Pertunjukan kapada Anggota2 Pejabat Kerja Raya); 16 July, Sekolah China, Kuala Belait; 17 July, Ward Batok Kering (Rumah Sakit British Malayan Petroleum Company Limited, Seria) Kuala Belait; 18 July, Field Force, Kuala Belait; 21 July, Rumah Sakit Kerajaan, Kuala Belait; 23 July, Sungai Taraban, Jalan Miri (Bahagian Belait); 24 July, Sekolah Melayu Bukit Sawat (Che' Gu M. Said); 25 July, Sekolah Melayu Sukang (DMS Dian); 26 July, Kampong Malilas (Ketua Kana); dan 28 July, dikawasan Ibu Pejabat Police, Kuala Belait.

Daerah Seria: 2 July, Pejabat Kerajaan Seria; dan 30 July, Sekolah China, Seria.

PERKHIDMATAN BUS KERAJAAN BRUNEI DIMULAI

Perkhidmatan bus Kerajaan Brunei diantara Bandar Brunei dan Kuala Belait akan dimulai dari hari Ithnin 9 July, 1956.

Bus itu akan bertolak dari Bandar Brunei dihadapan Pejabat2 Kerajaan pada pukol 8 pagi tiap2 hari Ithnin, Rabu dan Juma'at, serta balek ka Brunei pada tiap2 hari Thalatha, Khamis dan Sabtu pada masa tersebut juga dari Pejabat2 Kerajaan Kuala Belait.

Sebagaimana mas yang lalu, perkhidmatan bus itu akan dikhaskan bagi kegunaan Pegawai2 Kerajaan dan Pekerja2 Kerajaan yang berulang aleg diantara kedua2 tempat ini. Orang2 yang hendak menumpang bus itu adalah dikahendakki membuat permintaan melalui Pejabat Setia Usaha kepada Resident di Bandar Brunei dan melalui Pejabat Penolong Resident di Kuala Belait 24 jam terlebih dahulu.